



## Educational Role on Dakwah Qur'anic Approach in Human Development

Abdul Ghafar Haji Don

*Al-Qur'an as a guidance book is the authentic and authoritic educational sources. It is importance to use Al-Qur'an as a main source of Moslem. This article explains the educational role of dakwah from Qur'anic point of view in human development. It will explains five educational approaches on Al-Qur'an, they are: bi al-mau'izah (education through advice), tarbiah bi al-Qissah (education through story telling), tarbiah bi al-ahdath (education through action), tarbiah bi al-uqubah (education through law enforcement) dan tarbiah bi al-Qudwah (education through example). The writer concludes that the five aspects of educational dakwah from Al-Qur'an would be able to fulfill human development.*

دور التربية في عليه الدعوة

التقريب القرآني في تكوين الإنسان

بقلم : عبد الغفار حاجي دون

القرآن كتاب الهدى مرجع التربية الملائم القويم. فضلا مرجع مهم من القرآن في كيفية فعلم الأمة الإسلامية. يفصل هذا المقال دور التربية في عملية الدعوة بما تقرب إليه القرآن وما يتعلق به في تكوين الإنسان خمسة عنا صير التربية بالقرآن تبحث وتفصل في هذا المقال. هي خمسة بالمواعظ والقصص والأحداث والعقوبة والقدوة. تجد في المقال تلك العناصر الخمسة المشاركة إليها القرآن قد يكون الإنسان عملا وحضاريا.

*Al-Qur'an sebagai kitab hidayah merupakan sumber tarbiah yang authentic dan berotoriti. Justeru, rujukan bagi tarbiah dalam konteks dakwah Islamiah adalah penting untuk merujuk kepada al-Qur'an sebagai sumber asas yang utama bagi umat Islam. Artikel ini mengupas peranan tarbiah dalam konteks dakwah Islamiah dengan menumpukan secara khusus kepada perspektif pendekatan al-Qur'an dan kaitannya dalam menjana pembangunan insan. Lima pendekatan tarbiah dakwah al-Qur'an akan dibincang dan dikupas dalam artikel ini, iaitu tarbiah bi al-mau'izah (tarbiah melalui nasihat), tarbiah bi al-Qissah (tarbiah melalui kisah/cerita), tarbiah bi al-ahdath (tarbiah melalui peristiwa yang bertaku), tarbiah bi al-uqubah (tarbiah melalui hukuman/denda) dan tarbiah bi al-Qudwah (tarbiah melalui teladan). Kajian ini mendapati, kelima-lima aspek tarbiah dakwah tersebut yang dikemukakan al-Qur'an boleh berperanan dalam menjana pembangunan insan yang solehah dan bertamaddun.*



# **Peranan Tarbiah Dalam Konteks Dakwah Pendekatan Al-Qur'an Dalam Menjana Pembangunan Insan**

**Abdul Ghafar Haji Don**

## **Pendahuluan**

Dakwah Islamiah melihat tarbiah sebagai satu aspek yang penting dalam rangka menjana pembangunan insan. Pendekatan-pendekatan dakwah Islamiah dalam rangka membangun insan pula bersumberkan al-Qur'an sebagai sumber utama. Al-Qur'an sebagai sumber asas rujukan utama bagi pendekatan dakwah Islamiah mengemukakan beberapa kaedah dalam konteks tarbiah bagi menjana pembangunan insan yang seimbang. Tinjauan dengan teliti terhadap al-Qur'an mendapati dakwah adalah sinonim dengan tarbiah, manakala tarbiah itu sendiri menjadi subjek yang ditekankan al-Qur'an dalam proses penyaluran mesej dakwah. *Tarbiah bi al-mau'izah* (melalui nasihat), *tarbiah bi al-qissah* (melalui cerita), *tarbiah bi al-ahdath* (melalui peristiwa), *tarbiah bi al-qudwah* (melalui teladan) dan *tarbiah bi al-uqubah* (melalui denda) adalah antara kaedah yang dikemukakan al-Qur'an dalam konteks mendidik dan membangun manusia.

## **Al-Qur'an Sumber Tarbiah Insaniah**

Al-Qur'an adalah kitab hidayah (Q, 2:2, 17:9), syifa' (Q, 17:82) dan furqan (Q, 25:1). Ungkapan-ungkapan "*huda li al-nas*" (petunjuk bagi manusia), dan *syifa' wa rahmah li al-mu'minin* (penawar dan rahmat bagi orang-orang mukmin) dan *'wa bayyinatin min al-huda wa al-furqan* (keterangan berupa petunjuk dan pembeza) adalah jelas menggambarkan bahawa al-Qur'an adalah sebuah kitab yang memandu manusia mencapai kesempurnaan hidup melalui proses pendidikan jiwa.

Pembacaan dan penelitian yang mendalam terhadap ayat-ayat al-Qur'an dapat menjelaskan hakikat ini. Antaranya ialah Firman Allah yang bermaksud: "al-Qur'an ini ialah kitab yang memberi petunjuk dan selurus-lurus jalan" (al-Isra':9). Al-Qur'an menjelaskan lagi yang bermaksud: "Kami



Abdul Ghafar Haji Don



turunkan daripada al-Qur'an itu penawar dan rahmat kepada orang-orang yang beriman" (al-Isra':82)

Kedua-dua ayat di dalam Surah al-Isra' tersebut menjelaskan bahawa al-Qur'an adalah sumber kepada pembinaan dan pembangunan manusia yang seimbang dalam semua aspek, fizikal, rohani, mental, emosi, intelektual dan akhlak.

Kedudukan al-Qur'an sebagai sumber rujukan tarbiah dakwah yang utama dan penting telah dibayangkan oleh Rasulullah s.a.w di dalam sebuah hadith baginda yang terkenal yang bermaksud: "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang selama mana kamu berpegang kepada keduanya, kamu tidak akan sesat selama-lamanya, iaitu Kitab Allah (al-Qur'an) dan Sunnahku" (Hadith Riwayat Imam Malik, di dalam al-Muwatta')

### **Matlamat tarbiah Dakwah al-Qur'an**

Pendidikan ialah "a purposeful activity directed to the full development of individuals" {Kegiatan bermatlamat yang diarahkan kepada pembangunan individu sepenuhnya}. Ia juga bermaksud menghasilkan perubahan yang dikehendaki dalam diri seseorang (Atan Long, 1982:25). Sehubungan dengan itu, tarbiah dalam al-Qur'an mempunyai kepentingan melahirkan ciri pembangunan individu seperti yang disebutkan. Manusia bertaqwa yang taat dan patuh kepada perintah Allah sepenuhnya adalah tujuan utama daripada pendidikan al-Qur'an. Ini diungkapkan al-Qur'an misalnya dengan nada "*la'allakum iattaqun*" {mudah-mudahan kamu bertaqwa} dalam konteks tarbiah puasa. Taqwa akan melahirkan manusia yang tunduk kepada perintah-perintah Allah yang sekaligus melahirkan manusia yang solih lagi muslih. Justeru itu ayat pertama yang diwahyukan kepada Rasulullah ialah tentang ajaran mengenal Allah. Firman Allah: Maksudnya: "Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menjadikan" (al-Alaq:1)

Manusia diajar dan ditarbiah oleh al-Qur'an agar mengenali penciptanya. Mengenal Tuhan akan menjadikan manusia insaf tentang hakikat penciptaannya. Pengenalan ini akan melahirkan satu bentuk hubungan yang erat di antara yang dicipta dengan pencipta. Bila dimensi ini terbina dan manusia yakin bahawa yang menjadikannya itu adalah rabbnya yang sebenar, ia akan melahirkan implikasi yang positif dalam perjalanan hidupnya serta memberi impak dalam hubungannya dengan manusia dan lain-lain makhluk ciptaan Allah.



### Tarbiah bi al-Mau'izah

Perkataan *al-Mau'izah* berasal daripada *al-Wa'zu*, iaitu nasihat. Al-Qur'an mengemukakan konsep mauizah dalam konteks mendidik dan membangunkan manusia ( Surah al-Nahl:135, Surah Hud:32-34, Surah Luqman:12-19 ). Dr.Abdullah Nasih Ulwan (1983, j.2:653) berpandangan bahawa tarbiah melalui nasihat ini adalah di antara pendekatan terpenting dan berkesan dalam membentuk kanak-kanak yang beriman. Manusia menurut beliau lagi perlu dididik dengan *mau'izah*, dan *tazkirah bi al-nasihah* (peringatan dengan cara nasihat). Nasihat ini akan lebih berkesan jika individu yang dinasihati berjiwa bersih, berfikiran terbuka serta mempunyai daya fikir tajam dan boleh menilai antara yang baik dan tidak baik.

Al-Qur'an menyeru agar kita memupuk semangat nasihat menasihati atau berpesan-pesan dalam urusan kebaikan dan taqwa kepada Allah serta berpesan agar perkara keji, dosa dan permusuhan ditinggalkan (Q, 103:1-3, Q, 5:1). Saranan ini adalah untuk kemaslahatan masyarakat manusia seluruhnya. Rasulullah dalam sebuah hadith baginda mengajar agak konsep nasihat hendaklah dilaksanakan dalam melahirkan masyarakat manusia yang cemerlang :

Maksudnya : "Agama adalah nasihat. Sahabat bertanya untuk siapa? Rasulullah menjawab, untuk Allah, rasulNya, kitabNya, pemimpin-pemimpin di kalangan orang Islam dan orang ramai di kalangan mereka"


(*Hadith Riwayat Muslim*, dalam al-Arba'un al-Nawawiyah wa Syarhuha, Hadith no.7:22)

Al-Qur'an memahami jiwa manusia yang perlukan nasihat. Sehubungan dengan itu nasihat hendaklah disampaikan dengan cara yang baik dan berhikmah. Dalam kaitan ini, al-Qur'an menunjukkan contoh agar kita dapat mendidik manusia dengan cara yang lembut dan baik.(al-Nahl:125)

Nasihat atau *wa'az* yang baik menurut setengah ahli tafsir ialah nasihat membuatkan pendengar merasai bahawa ia diberi nasihat dan mendapat manfaat untuk kebaikan mereka sendiri (Wan Hussein Azmi,1984:37). Cara ini memang digariskan al-Qur'an di mana, Rasul-rasul dalam tugas mereka menyebarkan risalah Islam menyatakan bahawa nasihat yang diberikan adalah untuk kebaikan masyarakat atau orang yang dinasihati. Malah al-Qur'an menyebut secara khusus perkataan "*nasihun*



Abdul Ghafar Haji Don



*amin*" (penasihat yang boleh dipercayai) kepada Nabi Hud yang berdakwah kepada kaum Ad (al-A'raf:68).

Perkataan "*nasihun amin*" yang digunakan nabi Hud tersebut memperlihatkan sifat kasih sayang beliau terhadap kaumnya. Perasaan kasih tersebut termanifestasi melalui ungkapan yang digunakan beliau tersebut dalam menasihati kaumnya.


### Tarbiah bi al-Qissah

Dr. Abd al-Rahman Umairah, dalam *Manhaj al-Qur'an Fi Tarbiah al-Rijal* (1991 :174) menjelaskan bahawa al-Qur'an mengandungi koleksi cerita-cerita. Tujuannya adalah untuk mendidik generasi Islam. Kisah Nabi-nabi yang dipaparkan al-Qur'an banyak memberi contoh dan iktibar dalam konteks pendidikan dan pembangunan jiwa manusia agar lebih tahan menghadapi ujian dalam perjalanan serta perjuangan kehidupan mereka. Kisah Nabi-nabi terutamanya banyak memberi pengajaran kepada kita. Kisah-kisah yang dirakamkan al-Qur'an seperti kisah perjuangan rasul-rasul terdahulu dan ujian yang mereka hadapi adalah unsur pendidikan yang tinggi nilainya. Allah menceritakan kisah Nabi Yusuf, Nabi Ayub, Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Musa dan lain-lain di dalam al-Qur'an sebagai satu "*tasliyah*" (hiburan) kepada Rasulullah terutamanya ketika baginda menghadapi kesulitan dalam perjuangan baginda.

Selain kisah rasul-rasul terdahulu, kisah-kisah lain yang dipaparkan al-Qur'an juga penting sebagai sumber rujukan tarbiah yang menjadi teladan dalam dakwah khususnya dalam konteks pemantapan aqidah ummah. Kisah ini antara lainnya dipaparkan melalui kekentalan atau kemantapan iman para pejuang melalui kisah Ashab al-Kahfi (penghuni gua) dan Ashabul Ukhduh (mangsa-mangsa parit api). Mereka adalah teladan kepada generasi *tarbiyyah da'wiyah* sepanjang zaman.

El-Bahi El-Khuly dalam "Panduan Para Pendakwah" (t.th:101) menggesa para pendakwah agar menggunakan pendekatan kisah dan cerita sebagai satu cara mendidik masyarakat. Beliau menyuarakan:

"Saudara! Anda dapati al-Qur'an menyeru beribadat kepada Allah s.wt dan anda telah membawa berbagai-bagai kisah yang mengandungi ajaran-ajarannya. Begitu juga anda dapati Nabi Besar Rasulullah s.a.w berbuat demikian jua, di samping para ulama salaf yang telah menurut metode yang sama dalam menyebarkan ajaran mereka (Islam). Maka



ikutilah metode dan tatacara yang sama. InsyaAllah anda akan menemui kejayaan.”

Kaedah penceritaan dalam mendidik masyarakat penting diterapkan agar mereka dapat mengambil pengiktibaran daripada kisah-kisah yang berlaku. Lagipun kaedah penceritaan boleh menghindari perasaan jemu di samping tujuannya mendidik. Dengan kaedah ini unsur-unsur pendidikan dapat diserapkan secara halus tetapi berkesan memberi kefahaman kepada sasaran.


### **Tarbiah bi al-Ahdath**

Peristiwa-peristiwa yang berlaku juga mengandungi nilai pendidikan masyarakat. Kita dapat mempelajari dan berusaha memperbaiki diri daripada kesilapan yang lalu. Dalam konteks ini, al-Qur'an membawa analogi yang jelas bagaimana kejadian atau peristiwa yang berlaku seharusnya menjadi teladan dalam perjuangan kehidupan manusia. Peristiwa perang Badar dan Hunain sebagai contoh, diperlihatkan dalam cara yang berbeza tetapi mempunyai matlamat yang sama iaitu meningkatkan kualiti diri manusia. Bilangan yang sedikit dalam peperangan Badar menurut al-Qur'an tidak menghalang orang Islam mencapai kemenangan dalam perjuangan menentang musuh (Surah al-Imran:123-126). Sebaliknya bilangan yang banyak seperti dalam peperangan Hunain belum tentu menjamin kemenangan sekiranya kualiti diri yang ada pada pejuang rendah dan tidak mencapai satu standard yang diperlukan untuk kemenangan (Surah al-Taubah:25)

Peristiwa-peristiwa yang berlaku seperti yang diungkapkan al-Qur'an boleh menjadi bekalan yang berguna dalam konteks dakwah ke arah menjana pembangunan insan yang cemerlang. Kelemahan-kelemahan dalam gerak kerja dan strategi dakwah boleh diatasi dengan mengambil iktibar daripada kesilapan yang berlaku dalam peristiwa-peristiwa yang lalu.

### **Tarbiah bi al-uqubah**

*Tarbiah bi al-uqubah* adalah salah satu bentuk dan kaedah tarbiah yang digariskan al-Qur'an sebagai satu pendekatan kaunseling ke arah menarik hati manusia agar sedar dan insaf tentang hakikat kehidupan mereka. Pengetahuan dan kesedaran tentang hakikat hidup akan melahirkan insan yang soleh. Tarbiah bi al-Uqubah ini biasanya dijelaskan al-Qur'an dalam bentuk ancaman sama ada secara jelas ataupun tidak jelas. Al-Qur'an



menggunakan beberapa istilah yang menggambarkan bentuk ancaman dalam konteks *tarbiah bi al-uqubah* seperti *azabun azim* (al-Jathiyah:10)", *azabun alim* (al-Taghabun:5), *azabun syadid* (Surah Ibrahim:2), *al-Khizyu alim* (al-Taubah:63), *syadid al-lqah* (al-Baqarah:196, al-Imran:11). Janji-janji ancaman seperti ini dari segi psikologinya bertujuan mendidik manusia menjadi baik dengan mengingat ancaman-ancaman balasan siksa terhadap kejahatan yang dilakukan mereka.

Bentuk ancaman dan siksaan yang dinyatakan al-Qur'an bukan semata-mata bersifat ancaman dan siksaan. Malah ancaman dan siksaan yang dikenakan terhadap manusia terhadap kejahatan dan kesalahan yang dilakukan mereka mengandungi unsur-unsur pendidikan. Sebagai contoh, undang-undang jenayah Islam yang disyariatkan bagi menjamin keselamatan manusia sekaligus mendidik manusia menjauhi perbuatan-perbuatan jenayah. Firman Allah tentang hukum qisas umpamanya bertujuan merealisasikan matlamat tersebut:

Maksudnya: "Dan Qisas itu bagi kamu di dalam hukuman qisas itu terdapat jaminan kehidupan wahai orang-orang yang berakal. Mudah-mudahan kamu bertaqwa" (al-Baqarah:179).

Denda had potong tangan bagi pencuri (Surah al-Ma'dah:36), had kesalahan Qazaf sebanyak 80 rotan (Surah al-Nur:4), rotan 100 kali bagi kesalahan zina (Surah al-Nur:2) adalah kaedah kaunseling Islam agar manusia mengambil pengajaran dan pelajaran terhadap kesalahan yang dilakukan agar tidak diulangi. Ia juga mengandungi unsur pendidikan agar orang lain tidak cuba meniru perbuatan orang-orang yang bersalah. Keamanan masyarakat akan terjamin jika pendekatan ini diterapkan dalam konteks masyarakat kini yang dilanda pelbagai penyakit sosial.

Denda atau hukuman yang dikenakan terhadap pencuri bukan semata-mata denda. Ia bersifat mendidik agar orang yang kena hukuman dan orang lain akan insaf dan mengambil pelajaran daripada hukuman tersebut agar tidak mengulangi atau cuba melakukan kesalahan tersebut.

### **Tarbiah bi al-qudwah**

Al-Qur'an telah memilih Rasulullah sebagai teladan bagi manusia mengikuti dalam segala aspek kehidupan. Ini kerana praktikal kehidupan Rasulullah adalah cerminan al-Qur'an. Malah Aishah apabila ditanya tentang peribadi Rasulullah beliau menyatakan bahawa akhlak Rasulullah adalah al-Qur'an. Sehubungan dengan itu, al-Qur'an menegaskan bahawa



contoh kepimpinan dalam konteks tarbiah manusia telah dipelopori Rasulullah s.a.w untuk diikuti para pendidik kemudiannya. Firman Allah: Maksudnya: "Sesungguhnya Rasulullah bagi kamu adalah uswah hasanah" (al-Ahzab:21)

Dalam huraian yang menarik berkenaan ayat di atas, Muhammad Qutb (1987:181) menjelaskan bahawa Allah telah meletakkan pada peribadi Rasulullah satu gambaran yang jelas tentang manhaj Islam... iaitu satu gambaran kehidupan sempurna yang kekal belegar disepanjang sejarah.

Baginda adalah qudwah dari segi kemantapan aqidah, qudwah dari segi pelaksanaan ibadah, qudwah dalam kepimpinan negara, qudwah dalam peperangan, qudwah sebagai suami dan bapa. Nilai kepimpinan baginda ini yang disifatkan al-Qur'an sebagai uswah hasanah seperti yang diungkapkan ayat di atas bertujuan memberi teladan kepada pemimpin, para ibu bapa, pendidik, dan sebagainya mengikuti '*al-muthul al-a'la*' Rasulullah tersebut. Dalam konteks pendidikan anak-anak umpamanya menurut Abdullah nasih Ulwan (1983:607), bapa adalah "*al-uswah al-solihah*" (contoh yang baik) pada pandangan anak-anak. Sama ada disedari atau tidak, tingkah laku dan perbuatan ibu bapa diperhatikan anak-anak dan menjadi qudwah bagi mereka. Adalah janggal jika kita menyuruh anak kita minum duduk sedangkan kita sebagai ayah minum berdiri (sebagai contoh).


### Kesimpulan

Pendekatan kaunseling Islam dalam tarbiah melalui nasihat (al-mauizah), cerita (al-qissah), peristiwa (al-ahdath), denda dan ancaman (al-uqubah) serta al-qudwah (kepimpinan/teladan) adalah antara beberapa pendekatan al-Qur'an yang cuba dibawa dalam kertas ini sebagai asas perbincangan. Adalah penting aspek-aspek yang dikemukakan ini dibincang secara lebih komprehensif dan mendalam khususnya dalam konteks aplikasi pendidikan masyarakat melalui penghayatan roh al-Qur'an dalam membina generasi berkualiti dan seimbang dalam semua aspek kehidupan. Berdasarkan fakta-fakta yang telah dibincangkan, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pendekatan tarbiah dakwah dalam rangka menjana pembangunan insane seimbang seperti yang dikemukakan al-Qur'an adalah penting dan relevan untuk dilaksanakan dalam realiti kehidupan masyarakat masa kini dan akan juga relevan untuk masa akan datang. Terjemahan konteks tarbiah dakwah al-Qur'an perlu direalisasikan secara berhikmah lagi bijaksana demi kelangsungan survival umat manusia.





Abdul Ghafar Haji Don



### Rujukan

Al-Qur'an

Abdullah Nasih Ulwan. 1983. *Tarbiah al-Aulad Fi al-Islam*. J.2. Bayrut: Dar al-Islam.

Abdullah Yusuf Ali. 1989. *The Holy Qur'an, Text, Translation and Commentary*. Maryland: Amana Corporation.

Atan Long. 1982. *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

El-Bahi El-Khuli T.th. *Panduan Para Pendakwah*. Terj. Ismail Mohd. Hassan. Kuala Terengganu : Yayasan Islam Terengganu.

Mohamed Makki Sibai. 1987. *Mosque Libraries*. London: Mansell Publishing Ltd.

Muhammad Qutb. 1987. *Manhaj al-Tarbiah al-Islamiyyah*. J.1. Al-qahirah: Dar al-Syuruq

Muhammad al-Sayyid Yusuf. 2002. *Manhaj al-Qur'an Fi Islah al-Mujtama'*. Al-Qahirah: Dar al-Salam.

Al-Imam Muhyi al-Din Yahya Bin Syaraf al-Nawawi. T.t. *Al-Arba'un al-Nawawiyah Wa Syarhuha*. T. pt.

Norlain Dindang Mababaya. 1998. *Da'wah According to The Qur'an and The Sunnah*. Riyadh: Darussalam.

Syed Ali Ashraf. 1985. *New Horizons in Muslim Education*. Cambridge: The Islamic Academy.